

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**

**SOALAN NO. 322**

**TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah dan senarai pusat hemodialisis swasta yang mempunyai lesen sah untuk operasi dari Kementerian Kesihatan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengawal selia pusat hemodialisis swasta selaras dengan ketetapan yang digariskan bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006. Sehingga 31 Julai 2019, terdapat 500 pusat hemodialisis swasta berlesen di Malaysia. Senarai pusat-pusat hemodialisis swasta berlesen tersebut boleh didapati di laman sesawang KKM di bawah Bahagian Amalan Perubatan iaitu [medicalprac.moh.gov.my](http://medicalprac.moh.gov.my).

Sekian, terima kasih.